

Golongan belia digesa rebut peluang tersedia di seluruh negara

# Tawar sejuta pekerjaan bidang TVET

Oleh NOR AINNA HAMZAH

**REMBAU** – Golongan belia digesa untuk merebut peluang mengisi kira-kira sejuta peluang pekerjaan dalam Bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di seluruh negara.

Malah Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud turut mengalu-alukan golongan belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mahupun yang tidak memiliki sijil berkenaan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET.

Menurutnya, banyak peluang yang ditawarkan dalam bidang kemahiran dan menjadi hasrat kerajaan untuk dapat melahirkan 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2030 sebagaimana digariskan dalam Rancangan Malaysia ke-12.

“Kerajaan juga menyasarkan sekurang-kurangnya 55 peratus pelajar lepasan SPM akan melanjutkan pengajian dalam program-program TVET. Banyak peluang dan ruang sebenarnya yang perlu diterokai termasuklah tenaga kerja mahir dalam bidang teknologi kecerdasan buatan (AI).

“Malah untuk yang tiada sijil SPM pun boleh masuk GiatMara, Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan lain-lain lagi. Bagi pihak kementerian melalui Jabatan Pembangunan Kemahi-



**MUSTAPHA** (tengah) dan **Aminuddin** (kiri) ketika meninjau pameran Karnival TVET Madani Jom Pilih Kemahiran Zon Selatan 2023 di ILP Pedas, Rembau semalam.

ran (JPK), kita sentiasa komited dalam memperkasakan dan mengarusperdanakan bidang TVET termasuk penjenamaan semula bidang ini bagi menarik minat pelajar dan ibu bapa,” kata

beliau ketika ditemui pemberita sempena Karnival TVET Madani Jom Pilih Kemahiran Zon Selatan 2023 di ILP Pedas, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Besar,

Datuk Seri Aminuddin Harun dan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, Datuk Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

Pada karnival kedua dari enam lokasi yang telah ditetap-

kan di seluruh negara iaitu Zon Sabah, Zon Sarawak, Zon Selatan, Zon Tengah, Zon Timur dan Zon Utara, sebanyak 586 peluang pekerjaan tersedia untuk sesi temu duga secara terus.

Sementara itu, Aminuddin berkata, kerajaan negeri sangat komited dalam memperkasakan bidang TVET dan secara keseluruhannya setakat ini, kerajaan negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.9 juta dalam inisiatif untuk menaik taraf institusi TVET yang setaraf di peringkat nasional.

Menurutnya, kerajaan negeri juga telah bersetuju menubuhkan Majlis TVET Negeri Sembilan yang diterajui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi melonjakkan pencapaian landskap TVET di negeri ini.

“Ini termasuklah memperkukuhkan jaringan kolaborasi dengan industri, merapatkan jurang di antara permintaan dan penawaran tenaga kerja, menyediakan graduan yang menepati keperluan, meningkatkan kualiti institusi TVET dan memperhebat keterlibatan aktif industri.

“Kerajaan negeri juga akan terus komited untuk memperkasakan institusi tunggal TVET milik kerajaan negeri melalui Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS) dan semua institusi TVET yang ada serta Majlis TVET Negeri yang akan ditubuhkan,” tambah beliau.

TARIKH: 17/6/23  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 5

KOSMO 17/6/23  
MS 5 +